



Rujukan : UKM 3.4.1/151/3/1

Tarikh : 8 Ogos 2007

PEKELILING PEJABAT KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN BIL. 1/2007

Dekan/Pengarah/Ketua  
Fakulti/Pusat/Bahagian/Institut  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia

Y. Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**RISALAH DATA KESELAMATAN KIMIA (MSDS) & PENYEDIAAN RISALAH DATA KESELAMATAN KIMIA DI TEMPAT KERJA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

Sukacita Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan menarik perhatian Y.Bhg.Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan kepada Peraturan-Peraturan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000\* Bahagian VII: Maklumat, Arahan dan Latihan;

Peraturan 24: Risalah Data Keselamatan Kimia

*Seseorang majikan yang menerima bekalan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang baginya bahan kimia itu tidak dilabelkan atau Risalah Data Keselamatan Kimia tidak disediakan, hendaklah memperoleh maklumat berkaitan daripada pembekal dan tidak boleh menggunakan bahan kimia itu sehingga maklumat sedemikian diperoleh.*

Peraturan 25: Penyediaan Risalah Data Keselamatan Kimia

*Di mana-mana tempat kerja yang sesuatu bahan kimia berbahaya kepada kesihatan digunakan, Risalah Data Bahan Kimia semasa bagi bahan kimia itu atau sesalinan daripadanya hendaklah diletak di tempat yang mudah dilihat yang berdekatan dengan setiap lokasi yang bahan kimia itu digunakan, dan hendaklah mudah didapatkan oleh pekerja.*

2. Sehubungan dengan itu, pihak Y. Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memastikan setiap pembelian bahan kimia di fakulti/pusat/bahagian/institut disertakan dengan Risalah Data Keselamatan Kimia (MSDS). Manakala bahan kimia yang telah dibeli namun tidak memiliki MSDS, pihak Y. Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan perlu mendapatkan MSDS tersebut daripada pihak pembekal.

3. Y. Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan perlu meletakkan MSDS di tempat yang mudah dilihat dan berdekatan dengan lokasi bahan kimia itu digunakan dan hendaklah mudah dicapai oleh pengguna makmal.

4. Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan di bawah pengawasan Y. Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan.



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006  
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

*(cetakan berkomputer dan tidak memerlukan tandatangan)*

**PROF. MADYA DR. AMRAN AB. MAJID**

Ketua

Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

- s.k.        -        Y.Bhg. Prof. Dato' Naib Canselor, UKM  
              -        Timbalan-Timbalan Naib Canselor, UKM  
              -        Pendaftar, UKM



**Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006**  
**Winner of Prime Minister's Quality Award 2006**